

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 NOVEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31

Projek ECRL siap 43.96 peratus



KERJA-KERJA pembinaan ECRL sejauh 231 km di Terengganu telah siap sebanyak 43.96 peratus. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Status kemajuan projek pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Terengganu adalah 43.96 peratus iaitu lebih tinggi daripada kemajuan infrastruktur keseluruhan projek iaitu 35.88 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Ulliti dan Teknologi Hijau Terengganu, Dr. Mamad Puteh berkata, status kemajuan bagi daerah Dungun pula yang melibatkan kerja-kerja fizikal telah siap dibina merangkumi 20 kilometer (km), kerja-kerja tanah, kerja pembinaan bagi dua-tero-

SIDANG DUN TERENGGANU

wong iaitu di Dungun (871 meter) dan Paka (1,107 meter) serta 10 jambatan kereta api.

Selain itu, beliau berkata, pembinaan stesen Dungun juga dijangka bermula pada tahun depan dan kerja-kerja reka bentuk sedang giat dilaksanakan.

“Bagi kerja pelancaran rasuk pula dijangka bermula pada hujung suku pertama 2023 manakala, kerja-kerja pembinaan seperti kerja-kerja landasan akan memasuki fasa seterusnya yang dijangka bermula pada

penghujung tahun 2023.

“Kajian pelan induk bersepadu ECRL telah mencadangkan Stesen ECRL Dungun memfokuskan pembangunan hub kargo dan perindustrian selari guna tanah di sekitar kawasan tersebut.

“Selain itu, cadangan pembangunan bagi kawasan sekitar stesen adalah zon komersial se-luas 92.52 hektar iaitu komposisi pembangunan bercampur komersial dan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Alias Harun (Pas-Rantau Abang) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu di sini, semalam.